

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>2.0 MAKSUD KEPIMPINAN KETENTERAAN</b>	<b>1</b>
<b>3.0 KEIZINAN BERPERANG</b>	<b>2</b>
<b>4.0 KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM KETENTERAAN</b>	
4.1 Faktor Pembinaan Modal Insan	
4.1.1 Kekuatan Akhlak	3
4.1.2 Istiqamah	4
4.1.3 Tawaduk <sup>c</sup>	5
4.1.4 Pemaaf dan Penyantun	6
4.2 Faktor Corak Kepimpinan	
4.2.1 Pembentukan Struktur Organisasi Ketenteraan	7
4.2.2 Penguasaan Ilmu Medan Perang	8
4.2.3 Pelaksanaan Prinsip Syura	9
4.2.4 Tegas Dalam Membuat Keputusan	10
4.2.5 Kekuatan Fizikal dan Kecergasan	10
4.2.6 Kebijaksanaan Menilai Kemampuan Anggota	12
4.2.7 Penyediaan Pelapis Kepimpinan	13
4.2.8 Kebijaksanaan Mengaplikasi Strategi Peperangan	14
4.3 Faktor Logistik dan Persenjataan	17
<b>5.0 KESIMPULAN</b>	<b>20</b>

## **KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM KETENTERAAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Meneliti perjalanan Rasulullah s.a.w. yang panjang, kita akan mendapati bahawa Baginda s.a.w mempunyai kepimpinan yang penuh bijaksana dalam segenap bidang termasuk dalam aspek ketenteraan. Para penulis dan sejarawan Islam dan Barat, seperti al-Fazlur Rahman (1990) dan Hart (1978) telah mengiktiraf kebijaksanaan kepimpinan yang ada pada diri Rasulullah s.a.w. Menurut Hart dalam bukunya *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*:

*...My choice of Muhammad to lead the list of the world's most influential persons may surprise some readers and may be questioned by others, but he was the only man in history who was supremely successful on both the religious and secular levels...*

Berdasarkan petikan di atas, Nabi Muhammad s.a.w diangkat sebagai satu-satunya pemimpin agama yang tidak hanya menjadi model dalam aspek keagamaan semata-mata, namun juga merupakan pemimpin negara, panglima tentera, penggubal dasar dan perancang ekonomi yang serba lengkap. Justeru, bertitik tolak daripada pernyataan di atas kertas kerja ini akan membahaskan dan memperincikan aspek kepimpinan dalam ketenteraan yang sangat signifikan dalam kehidupan Baginda s.a.w dan para sahabat sehingga sehingga mendapat pengiktirafan penulis orientalis ini. Hal ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana sememangnya segala tindak tanduk kehidupan Baginda s.a.w telah dipandu dengan wahyu Ilahi dan Baginda s.a.w sendiri telah memartabatkan keutamaan akhlak dan dakwah sebagai asas kepada segala tindak tanduk kepimpinan beliau supaya menjadi contoh ikutan dan model kepimpinan yang lengkap dan sempurna dalam aspek pendidikan jihad yang terbaik kepada generasi selepasnya.

### **2.0 MAKSUD KEPIMPINAN KETENTERAAN**

Menurut Syahrin Harahap (1997), salah seorang professor pemikiran Islam, Universiti Islam Negeri Sumatera Utara dalam penulisannya *Islam Dinamik*, Pertahanan dan keamanan merupakan satu keperluan yang penting bagi setiap manusia, masyarakat serta negara pada setiap masa dan tempat. Dengan adanya pertahanan dan keselamatan manusia, masyarakat dan negara akan dapat melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab yang dimiliki ke tahap yang maksimum. Seterusnya, mantan Pengarah Kor Agama Angkatan (KAGAT), Mejar Jeneral (Bersara) Haji Jamil Khir bin Baharom (2008) dalam penulisan beliau *Panduan Kehidupan Tentera* pula mengatakan bahawa institusi ketenteraan merupakan salah sebuah institusi yang tertua di dalam sejarah dunia. Ianya ditubuhkan seiring dengan tertubuhnya sebuah negara yang bertujuan untuk menjaga keselamatan dan menjamin kedaulatan negara. Menurut Kamus Dewan (1991), tentera bermaksud pasukan yang terdiri daripada askar dan lain-lain yang dilatih untuk berperang bagi menjaga keselamatan. Tentera juga sebagai sekelompok profesional yang dipercayai oleh sesebuah negara. Seterusnya Finer (1962) menambah bahawa tentera umumnya yang terdiri dari kalangan orang yang diorganisasikan dengan disiplin untuk melakukan pertempuran yang tentunya berbeza dengan kelompok yang terdiri daripada orang awam. Mereka adalah sekumpulan orang yang mempunyai

kemahiran dan juga kepakaran tertentu yang dipersiapkan oleh pihak kerajaan untuk menentang musuh dan mempertahankan negara.

Definisi kepimpinan ditafsirkan di dalam pelbagai maksud. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, kepimpinan bermaksud keupayaan seseorang memimpin. Antaranya ialah melalui teladan. Justeru, pemimpin adalah model kepada orang yang dipimpinya. Segala perbuatan dan tindakannya menjadi perhatian masyarakat. Ilmu psikologi juga menegaskan bahawa sudah menjadi lumrah setiap kumpulan ini perlu diterajui oleh seorang pemimpin yang dapat menyusun dan mentadbir urusan manusia.

Berdasarkan semua takrifan di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa kepimpinan ketenteraan sebagaimana yang disebutkan dalam buku *Kepimpinan Tentera Menurut Pandangan Islam* (1990) ialah:

...Satu kesenian yang dapat mempengaruhi orang-orang bawahan supaya mematuhi segala arahannya bagi mencapai objektif tertentu dengan cara mereka mentaati, menghormati, menyanjungi dan memberi kerjasama kepadanya...

Apabila membahaskan ciri-ciri kepimpinan, maka kita tidak dapat mengelak daripada mengaplikasi adunan kekuatan elemen '3M' (*Man/Machine/Method*) yang menjadi formula dan resepi kejayaan Rasulullah s.a.w dalam memimpin ketenteraan. Hal yang sama juga telah ditegaskan oleh mantan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor semasa menyampaikan Perintah Ulung PTD yang ke-35 pada 19 Jun 2013, bahawa semua anggota tentera perlu menggunakan sepenuhnya prinsip 3M ini ke arah menyiapkan pasukan yang berupaya bertindak untuk diatur gerak dan beroperasi di pelbagai spektrum peperangan dengan penuh kesiapsiagaan.

### 3.0 KEIZINAN BERPERANG

Jika diteliti dalil pensyarian jihad ini, kita akan mendapati ia diturunkan secara berperingkat yang bermula daripada pengkhususan dalam bentuk keizinan berperang terlebih dahulu. Menurut al-Mubarakfuri (2011), terdapat dua peringkat pensyarian berperang yang mana pada peringkat pertama Allah s.w.t hanya memberikan kebenaran berperang tetapi tidak mewajibkannya.

Firman Allah s.w.t:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ<sup>1</sup>

Maksudnya:

Diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).

---

<sup>1</sup>Al-Quran, al-Hajj 22: 39.

Pensyariatian berperang ini diberikan oleh Allah bagi menghadapi ancaman dan menghentikan kejahatan yang dilakukan oleh orang Quraish demi kelangsungan hidup masyarakat Islam di Madinah ketika itu. Seterusnya selepas masyarakat Islam mula menerima dan memahami syariat jihad, Allah s.w.t menurunkan pula ayat yang menjelaskan kewajipan berjihad dan membunuh musuh yang memerangi mereka pula.

Firman Allah s.w.t:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ<sup>2</sup>

Maksudnya:

Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang menceroboh

Kewajipan berperang dan gesaan terhadapnya serta perintah melakukan persiapan adalah bertepatan dengan realiti dan situasi yang berlaku ketika itu. Setelah mendapat arahan dan mesej ini, orang-orang Islam semakin bersemangat dan bersedia untuk berjihad di jalan Allah.

#### **4.0 KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM KETENTERAAN**

Sebagaimana disebutkan di awal perbincangan, terdapat tiga faktor utama yang melatari kejayaan Rasulullah s.a.w dalam pengurusan kepimpinan ketenteraan yang diindoktrinasi dalam perancangannya iaitu faktor pembinaan modal insan, corak kepimpinan dan faktor keperluan logistik dan kebajikan yang akan diperhalusi setiap satunya di bawah.

#### **4.1 Faktor Pembinaan Modal Insan**

##### **4.1.1 Kekuatan Akhlak**

Kekuatan akhlak sangat penting kepada mana-mana pemimpin kerana ia akan menjadi ukuran setiap orang bawahannya. Apabila berbicara mengenai aspek ini pada diri Rasulullah, kita akan mendapati seluruh isi kehidupan Baginda diwarnai dengan nilai akhlak yang tinggi dan sempurna kerana tugas Baginda s.a.w untuk menyampaikan risalah kepada manusia sejagat memerlukan diri Baginda sendiri perlu menjadi role model yang lengkap berdasarkan sebuah hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Telah mendidik akan daku oleh Tuhanku, maka dipereelok akan pekertiku<sup>3</sup>.

---

<sup>2</sup>Al-Quran, al-Baqarah 2: 190).

<sup>3</sup> Al-Manawi, Kitab Fa'id al-Qadir. No. 1262.

Dalam Buku *Profesyen Ketenteraan dan Bimbingan Rohani Menurut Pandangan Islam* (1992) menyatakan sebagai memberi penghormatan kepada Rasul pilihan Allah ini, maka Allah telah meletakkan Baginda di bawah pengawasannya dan menjauhkan Baginda dalam unsur-unsur jahiliyyah. Baginda merupakan manusia yang paling tinggi maruahinya, paling terbaik akhlaknya, paling benar perkataannya sehingga digelar *al-amin* di kalangan penduduk Makkah kerana mempunyai akhlak yang paling sempurna yang tidak pernah dimiliki oleh sesiapa sebelum atau selepasnya. Dalam hal ini, Imam al-Bukhari meriwayatkan sebuah hadith yang bermaksud:

Daripada Aishah: Sesungguhnya akhlaknya (Baginda s.a.w) ialah al-Quran<sup>4</sup>

Ibn Kathir (1997) ketika menghuraikan hadith ini mengatakan bahawa kesempurnaan akhlak pada diri Rasulullah s.a.w seumpama kesyumulannya al-Quran dari aspek suruhan dan tegahan. Apa sahaja yang disuruh dalam al-Quran akan dilaksanakan oleh Rasulullah, dan begitulah sebaliknya.

#### 4.1.2 Istiqamah

Model kepimpinan yang cemerlang tidak lain dan tidak bukan ialah diri Rasulullah s.a.w sendiri. Baginda sangat istiqamah dalam membawa hala tuju dakwah tercapai walaupun terpaksa melalui medan jihad yang sangat menguji mental dan fizikal semata-mata mencari kerediaan Allah. Karisma Baginda s.a.w ini terserlah sejak permulaan dakwah Baginda s.a.w khususnya ketika memberi jawapan kepada bapa saudaranya Abu Talib yang didatangi oleh orang-orang Quraish meminta beliau supaya menghentikan dakwah (Ibn Ishak 1978):

Demi Allah! Jika diletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiri supaya aku meninggalkan dakwah, sama sekali aku tidak akan berbuat demikian sebaliknya aku akan terus melakukannya sehingga Allah SWT memenangkan Islam ataupun aku akan binasa kerananya, aku masih lagi akan meneruskannya<sup>5</sup>.

Jawapan Baginda s.a.w yang ringkas ini sarat dengan elemen kekuatan istiqamah yang tidak mampu digoyang dan diganggu gugat oleh sesiapa jua walaupun orang yang melindunginya. Bermula daripada kesungguhan inilah yang akhirnya membuahkan hasil apabila seluruh tentera Islam tidak pernah menoleh ke belakang dalam mempertahankan agama yang suci ini daripada dipermainkan oleh musuh. Begitu beruntungnya tentera Islam yang mendapat didikan langsung daripada Rasulullah s.a.w kerana senjata inilah yang sebenarnya telah berjaya menghancurkan musuh mereka dalam setiap pertempuran. Tidak ada perisai yang lebih bermakna selain daripada keyakinan dan sentiasa beristiqamah dalam menegakkan kalimah Allah setiap masa dan ketika mahupun ketika senang dan susah. Allah s.w.t telah menekankan perkara ini dalam al-Quran:

---

<sup>4</sup>Al-Bukhari, *Kitab al-Adab al-Mufrad bi al-T'cliqat*, Bab Man da'ā Allah an Yuhsana Khalquh. No. 308.

<sup>5</sup>Al-Baihaqi, *Kitab al-Dalail al-Nubuwwah*.

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-rasul Kami dan orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari kiamat)<sup>6</sup>.

Melalui ayat di atas, Allah s.w.t memberi penghargaan yang tinggi kepada setiap tentera muslim asalkan mereka perlu memahami dengan jelas matlamat akhir setiap pertempuran, sama ada beroleh kemenangan ataupun gugur syahid di jalan Allah. Jika mereka berjaya mengecapi kemenangan di dunia, selayaknya mereka bersyukur kepada Allah tetapi jika sebaliknya, mereka pastinya akan merindui mati kerana mengejar kelebihan syahid yang dinanti-nanti. Begitulah yang terjadi kepada tiga pahlawan Mu'tah iaitu Zayd bin Harithah, Ja'far bin Abi Talib dan 'Abd Allah bin Rawahah apabila mereka tetap istiqamah di medan juang dalam mendambakan janji Allah setelah seolah-olah mendapat azimat dan isyarat syahid daripada Baginda s.a.w (al-Waqidi 1989).

Oleh itu, Rasulullah s.a.w sangat mengambil berat ciri-ciri ini dan sentiasa memastikan anggotanya di kalangan mereka yang benar-benar istiqamah beriman kepada Allah. Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis Baginda s.a.w yang menjelaskan situasi ini:

Daripada 'Aishah: Rasulullah s.a.w telah bertanya kepada seorang lelaki yang ingin turut serta dalam Perang Badar dengan berkata: "Adakah kamu benar-benar beriman dengan Allah?" Lelaki tersebut menjawab: "Tidak". Mendengar jawapan tersebut, Rasulullah s.a.w lalu berkata: "Kamu pulang sekarang kerana aku tidak memerlukan bantuan orang yang tidak beriman dengan Allah<sup>7</sup>.

Hal ini sangat penting kerana mereka yang tidak istiqamah dalam menyatakan keimanan kepada Allah, sudah pastinya akan pudar dan luntur semangat yang akan menyebabkan kemudaratan kepada pasukan Islam semasa peperangan berlangsung.

#### 4.1.3 Tawadu<sup>c</sup>

Makin berisi makin menunduk. Begitulah peribahasa "ilmu padi" yang diterjemahkan oleh Islam melalui sifat tawaduk dan merendah diri yang ada pada diri Rasulullah dan juga orang-orang Islam. Maka tidak hairanlah, semasa peristiwa Pembukaan Makkah, Rasulullah SAW bersama tenteranya memasuki Kota Makkah dalam keadaan menundukkan kepala ke bawah dengan penuh tawaduk sebagai manifestasi rasa syukur dan insaf terhadap kejayaan yang telah dicapai lalu mandi dan menunaikan solat lapan rakaat (Ibn Kathir 1997). Semua ini terhasil melalui didikan Rasulullah SAW kepada para sahabat agar sentiasa bermuhasabah dan tidak sesekali berbangga dengan kemenangan yang diperolehi, sebaliknya menyerahkan semuanya kepada Allah. Walaupun Baginda s.a.w merupakan pemimpin agong dan memiliki banyak keistimewaan, tetapi Baginda adalah manusia yang paling tawaduk dan sangat

---

<sup>6</sup>Al-Quran, al-Gahfir 40:51.

<sup>7</sup>Muslim, *Musnad*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Karahah al-Isti'nah fi al-Ghaz bi Kafir. No. 150.

merendahkan diri. Maka tidak hairanlah Baginda s.a.w sendiri sentiasa turun padang untuk bersama para tentera sebagaimana yang berlaku ketika penggalian parit besar dalam perang Khandaq. Baginda sering memberikan sedekah kepada orang lain sehingga kadang-kadang tidak ada apa yang hendak dimakan. Dalam kisah yang lain pula, Baginda s.a.w secara individu melayani sendiri seorang lelaki yang mengunjunginya dengan memotong beberapa keping daging salai kering dan melayannya makan dengan penuh hormat.

Imam Hakim juga menukilkan pendirian Nabi s.a.w ketika bermuamalah bersama Abu Quhafah (bapa Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq) semasa peristiwa Pembukaan Makkah. Kebetulan Sayyidina Abu Bakar datang menemui Rasulullah s.a.w dengan membawa bapanya. Apabila Baginda s.a.w melihatnya maka Rasulullah s.a.w berkata:

Mengapa kamu tidak membiarkan bapamu di rumahnya sahaja sehingga aku sendiri yang pergi kepadanya!” Maka dijawab oleh Sayyidina Abu Bakar: “Lebih manis beliau datang menemuimu daripada engkau sendiri yang mengunjunginya”. Kemudian Rasulullah s.a.w menyuruh Abu Quhafah duduk berdekatannya dan kemudian Rasulullah s.a.w memegang dada Abu Quhafah sambil berkata: “Masuklah ke dalam Agama Islam yang menjanjikan keamanan dan keselamatan”, lalu Abu Quhafah menyatakan keimanannya.

Proses persiapan dan penyediaan tentera Islam bersifat spiritual dengan bimbingan wahyu Ilahi. Justeru, adalah sangat wajar dan menjadi kewajipan bagi orang Islam untuk sentiasa bersikap rendah diri dan bersyukur di atas setiap kemenangan dan kejayaan yang dicapai. Peristiwa Uhud dan Hunayn sudah cukup memberi ibrah dan pengajaran bermakna buat tentera Islam bahawa sikap tamak dan kesombongan akan sentiasa memakan diri.

#### **4.1.4 Pemaaf dan Penyantun**

Sikap memaafkan orang lain ketika mempunyai kelebihan dan peluang melakukannya walaupun kepada musuh adalah sesuatu yang sangat mulia sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika memaafkan seorang lelaki mushrik yang cuba membunuhnya.

Imam Bukhari menceritakan sebuah Hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Jabir:

Semasa kami bersama Nabi s.a.w dalam Perang Zat al-Riqa<sup>c</sup>, kami tiba di sebuah tempat yang mempunyai sebatang pokok yang rendang. kami lalu membiarkan Rasulullah s.a.w berteduh dan berehat di bawahnya. Tiba-tiba datang seorang lelaki mushrik lalu menghunus pedangnya ke kepala Nabi s.a.w sedangkan pedang Nabi s.a.w tergantung di pokok. Lelaki mushrik itu bertanya kepada Nabi s.a.w: “Adakah engkau sekarang takut kepadaku?” Nabi s.a.w menjawab: “Tidak sama sekali”. Beliau berkata lagi: “Kalau begitu siapakah yang akan menghalang perbuatanku ini?” Nabi s.a.w menjawab: “Allah”<sup>8</sup>.

---

<sup>8</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Maghazi, Bab Ghuzwah Zar al-Riqa'. No. 4136.

Demikian juga situasi yang berlaku semasa Pembukaan Makkah apabila Baginda s.a.w membebaskan semua orang-orang Quraish yang ditawan kerana Islam memberi kemaafan kepada musuh yang sudah kalah. Islam berperang bukan kerana bangsa, perbezaan pendapat, bukan untuk membolot harta rampasan, tetapi selain menyebarkan dakwah, Islam mementingkan hakikat dan makna perikemanusiaan yang tinggi (Muhammad Jamaludin 1996).

Rasulullah s.a.w merupakan seorang pemimpin yang cukup menyantuni kawan dan lawan dan sentiasa tenang mengawal emosi dalam kepimpinan organisasi sehingga dapat mengelakkan fitnah dan permusuhan tidak diingini dalam kepimpinannya. Bukti yang jelas betapa peri pentingnya sifat ini ialah apa yang telah dilakukan Baginda s.a.w dengan mengambil pendirian untuk bersetuju terhadap segala kandungan yang terdapat dalam Perjanjian Hudaibiyyah bersama orang Quraish, walaupun pada sesetengah sahabat, syarat yang diberikan itu seolah-olah tidak menyebelahi orang Islam. Begitu juga sifat berlembut yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w terhadap Abu Sufyan semasa Pembukaan Makkah walaupun sangat memusuhi Baginda sebelumnya serta beberapa contoh lain yang sangat banyak. Dalam situasi yang lain menurut al-Siba<sup>c</sup>i (1985), Baginda s.a.w pernah memaafkan Hatib bin Abi Balta<sup>c</sup>ah al-Badri yang cuba bertindak membocorkan rahsia operasi Baginda s.a.w bagi memerangi Quraish Makkah kerana penglibatannya dalam perang Badar.

## 4.2 Faktor Corak Kepimpinan

### 4.2.1 Pembentukan Struktur Organisasi Ketenteraan

Jika ditinjau dengan lebih mendalam, kepimpinan secara hieraki berdasarkan kedudukan pangkat telah menjadi satu tradisi di dalam masyarakat Islam di zaman Rasulullah s.a.w di mana ketua yang paling rendah sekali dikenali sebagai *al-'Arif*<sup>9</sup> yang bertanggungjawab menyelia dan menjaga sepuluh orang anggota di bawahnya. Sementara itu, setiap sepuluh orang *al-'Arif* ini pula akan diletakkan di bawah kawalan seorang yang berpangkat *al-Naqib*<sup>10</sup> manakala *al-Amir*<sup>11</sup> dan *al-Qayd*<sup>12</sup> adalah terdiri di kalangan sahabat Islam terawal yang cukup berpengalaman dan berkemahiran tinggi dalam bidang kepimpinan dan pengurusan organisasi.

Struktur organisasi yang diamalkan ini memberi kelebihan dalam aspek memberi arahan dan kawalan (command and control) dan mengambil tindakan serta merta ketika berhadapan dengan saat-saat genting di dalam pertempuran, di samping kesesuaiannya untuk diaplikasikan dalam taktik defensif dan ofensif. Sementara itu bagi pentadbiran peringkat wilayah pula, selalunya gabenor-gabenor diberi kuasa untuk mentadbirkan wilayah masing-masing termasuklah hal-hal berkenaan ketenteraan.

---

<sup>9</sup>Al-'Arif dalam hieraki dan struktur organisasi angkatan tentera sekarang ialah Lans Koperal.

<sup>10</sup>Al-Naqib dalam hieraki dan struktur organisasi angkatan tentera sekarang ialah Kapten.

<sup>11</sup>Al-Amir dalam hieraki dan struktur organisasi angkatan tentera sekarang ialah Panglima Angkatan Tentera dan Panglima di setiap perkhidmatan Darat, Laut dan Udara.

<sup>12</sup>Al-Qaid dalam hieraki dan struktur organisasi angkatan tentera sekarang ialah Panglima yang mengetuai Divisyen atau Briged dan setaraf.



Tetapi di dalam keadaan tertentu, pihak pusat di Madinah mengambil alih kuasa itu bagi tujuan keselamatan wilayah dan penduduknya. Contohnya, peranan Mu<sup>o</sup>adh bin Jabal sebagai gabenor di al-Yaman. Sementara itu bagi panglima-panglima tentera dilantik untuk mengetuai al-saraya yang akan ke medan peperangan atau untuk urusan-urusan tertentu seperti perundingan dan sebagainya dengan pihak musuh, perlantikan mereka hanyalah bersifat sementara. Apabila selesai urusan maka jawatan itu berakhir dan tamat dengan sendirinya. Pelantikan baru akan dibuat bila terdapat keperluan yang lain yang mana para panglima akan dipilih dari suku-kaum Muslim yang tinggal di Madinah. Kriteria pemilihan berdasarkan, keberanian, kemampuan pimpinan dan yang lebih awal menggabungkan diri ke dalam masyarakat Islam Madinah.

#### 4.2.2 Penguasaan Ilmu Medan Perang

Imam al-Nasaie dalam Sunannya menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w pernah mengutus <sup>o</sup>Amru bin <sup>o</sup>As dalam operasi Zat al-Salasil yang turut disertai oleh Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq. Dalam peperangan tersebut, <sup>o</sup>Amru bin <sup>o</sup>As telah melarang tentera Islam daripada menyalakan unggun api. Apabila arahan tersebut sampai ke pengetahuan Sayyidina <sup>o</sup>Umar, beliau tidak bersetuju dan agak marah. Sayyidina Abu Bakar lantas menasihati Sayyidina <sup>o</sup>Umar dengan berkata: “Wahai <sup>o</sup>Umar! Patuhilah arahan ini kerana Rasulullah s.a.w sendiri yang telah memilih beliau berdasarkan kemahiran yang dimilikinya dalam ilmu medan perang”. Akhirnya Sayyidina <sup>o</sup>Umar pun akur dengan nasihat tersebut.

Imam Abu Daud dalam Sunannya menjelaskan: Dalam peperangan Badar, Rasulullah s.a.w telah memilih beberapa orang sahabat yang sangat mahir dalam pertarungan pedang. Pada ketika itu, tentera Mushrikin telah meletakkan <sup>o</sup>Utbah dan Syaibah serta al-Walid bin Utbah bagi mencabar tentera Islam. Beberapa pejuang lelaki Ansar cuba menyahut cabaran tersebut tetapi ditolak oleh golongan Mushrikin dengan berkata: “Kami ingin berlawan dengan petarung yang sama kuat dengan kami”. Lalu Rasulullah s.a.w berkata: “Bersiap sedia wahai Hamzah, bersiap sedia <sup>o</sup>Ubaidah bin Harith, bersiap sedia <sup>o</sup>Ali”. Tanpa berlengah, ketiga-tiga sahabat pun bangun untuk pertarungan. Akhirnya, Sayyidina Hamzah telah berjaya membunuh Syaibah manakala Sayyidina <sup>o</sup>Ali pula berjaya menewaskan al-Walid. Walau bagaimanapun, nasib berbeza dialami oleh <sup>o</sup>Ubaidah yang mengalami kecederaan agak parah apabila kakinya putus ditetak. Beliau lantas dibawa kepada Rasulullah s.a.w dan beliau syahid di sisi Nabi<sup>13</sup>.

Sesuatu yang sangat penting daripada kisah di atas ialah bagaimana Rasulullah s.a.w berupaya memilih mereka yang berkemahiran dalam bidang masing-masing bagi menangani situasi bahaya yang boleh melemahkan pasukan. Kecekapan kepimpinan yang digabungkan dengan kemahiran anggota bawahannya telah dapat mengukuhkan organisasi ketenteraan dengan baik.

---

<sup>13</sup>Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Kitab al-Jihad, Bab fi al-Mubarazah, No. 2665.

### 4.2.3 Pelaksanaan Prinsip Syura

Amalan syura ini bukan sahaja dipraktikkan dalam konteks pemerintahan biasa, malah dalam peperangan Rasulullah s.a.w juga. Contoh yang ketara dalam hal ini ialah ketika Baginda s.a.w menentukan kedudukan tentera Islam menghadapi serangan musuh dalam peperangan Badar, Uhud dan Khandaq. Dalam merancang strategi peperangan ini, Baginda berbincang dengan para sahabat dan menerima pandangan sahabat tentang kedudukan yang paling baik bagi tentera Islam.

Nabi s.a.w telah menerima pendapat al-Khubab bin al-Munzir dalam masalah pemilihan lokasi paling sesuai bagi tentera Islam bertempur semasa Perang Badar, di samping Baginda s.a.w mengambil pendapat Sa<sup>c</sup>ad bin Mu<sup>c</sup>az untuk membina *al-Arish* iaitu khemah atau penempatan pertahanan yang dibina di tempat tinggi bagi memudahkan pertahanan dan keselamatan. Baginda s.a.w juga meminta pandangan para sahabat sebelum ke medan Badar setelah mendapat berita orang Quraish telah bergerak keluar dari markas mereka dan juga bermusyawarah bersama para sahabat mengenai tindakan yang perlu diambil terhadap tawanan perang Badar sama ada untuk dibunuh ataupun ditebus dengan pampasan. Menurut al-Tabari (1965), dalam peristiwa ini juga Sa<sup>c</sup>ad bin Mu<sup>c</sup>az dari <sup>c</sup>Aus ditugaskan oleh Baginda s.a.w sebagai pengawal peribadi yang mengawal pintu masuk ke khemah ini. Konsep pengawal peribadi ini juga diteruskan selepas peperangan Uhud, yang mana <sup>c</sup>Usayd bin al-Huzayr dari <sup>c</sup>Aus menjadi pengawal di rumah Rasulullah s.a.w apabila ada laporan mengatakan pihak musuh sedang berusaha untuk membunuh Rasulullah s.a.w. Di dalam satu angkatan lain ke Hamra' al-Asad, khemah Rasulullah s.a.w dikawal oleh beberapa tentera dari suku <sup>c</sup>Aus iaitu Sa<sup>c</sup>ad bin Mu<sup>c</sup>az, <sup>c</sup>Abbad bin Bishr, <sup>c</sup>Ubayd bin <sup>c</sup>Aus dan Qatadah bin al-Nu<sup>c</sup>man. Sementara itu dari suku Khazraj pula ialah Sa<sup>c</sup>ad bin <sup>c</sup>Ubadah, Hubab bin al-Mundhir dan <sup>c</sup>Aus bin Khawli. Selain dari yang disebutkan di atas ialah <sup>c</sup>Ammar bin Yasir dan Bilal bin Rabah muazzin Rasulullah s.a.w.

Rasulullah s.a.w juga mengambil pendekatan bermusyawarah dengan isterinya Ummu Salamah semasa Perjanjian Hudaibiyah ketika para sahabat tidak memberi tindak balas terhadap arahannya yang menyuruh mereka menyembelih binatang korban dan bertahallul. Ummu Salamah lalu mencadangkan supaya Baginda s.a.w terlebih dahulu melakukannya sebelum memberi arahan kepada mereka, lalu akhirnya barulah semua para sahabat mengikuti jejak Baginda.

Sementara itu, di tengah kesibukan pusat bandar Madinah pula Baginda s.a.w dan para sahabat mengadakan mesyuarat bagi menangani kemaraan tentera Ahzab. Seorang sahabat iaitu Salman al-Farisi r.a melontarkan idea supaya tentera Islam bertahan di Madinah dengan menggali parit di sekelilingnya. Para sahabat yang lain bersetuju dengan saranan beliau memandangkan ianya merupakan strategi menarik yang tidak pernah digunakan sebelum ini dalam sistem pertahanan negara. Rasulullah s.a.w mengarahkan para sahabatnya menggali parit secara konsisten dan berterusan sehingga selesai (al-Buti 2008).

Berdasarkan gambaran yang telah disebutkan tadi, jelaslah kepada kita bahawa Rasulullah SAW kebiasaannya akan merujuk secara serta merta kepada para sahabatnya yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam aspek ketenteraan di markas utama operasi ketenteraan di Madinah.

#### 4.2.4 Tegas Dalam Membuat Keputusan

Walaupun peperangan Uhud dimenangi oleh tentera Quraish, namun ianya gagal mengubat kekecewaan di hati mereka kerana tidak dapat membawa balik harta rampasan perang yang banyak sebagaimana kebiasaannya, malahan gagal melaksanakan misi utama mereka iaitu membunuh Rasulullah s.a.w dan menghancurkan seluruh kekuatan Islam. Justeru mereka ingin menebus kekecewaan ini dengan mengatur rancangan segera untuk kembali ke Madinah bagi membunuh Nabi dan menghapuskan seluruh kekuatan tentera Islam.

Apabila maklumat tersebut sampai ke pengetahuan Baginda s.a.w, beliau mengarahkan semua tentera Islam yang telah terlibat dalam Perang Uhud untuk keluar sekali lagi menghadapi musuh walaupun ada di antara mereka yang mengalami kecederaan dan kesakitan, namun ianya bukanlah menjadi penghalang kepada para sahabat untuk terus berjihad. Mendengar persiapan yang bersungguh-sungguh di pihak muslimin membuatkan mereka berfikir dua kali dan mulai berasa takut sehingga Abu Sufyan mengambil keputusan untuk berundur ke Makkah semula. Inilah prinsip yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w yang sangat teguh dengan pendiriannya dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang timbul (al-Mubarakfuri 2011).

Seterusnya al-Buti (2008) juga menyebut mengenai bagaimana ketegasan Nabi untuk kembali menyarung baju perang dan menggagas senjatanya dan mengarahkan semua tentera Islam supaya berangkat ke perkampungan Bani Qurayzah memerangi mereka walaupun baru sahaja pulang dari peperangan Khandaq kerana pembelotan mereka menyertai tentera Mushrikin dalam peperangan tersebut walaupun telah mengikat janji perdamaian sebelumnya dengan Nabi.

#### 4.2.5 Kekuatan Fizikal dan Kecergasan

Keistimewaan Rasulullah ialah Baginda memiliki bentuk badan yang kuat dan perkasa. Baginda dapat berlawan dan mengalahkan orang yang kuat dan boleh menunggang kuda yang tidak berpelana. Baginda s.a.w sangat memuji orang Islam yang mempunyai kemantapan fizikal dan kecergasan jasmani sepertimana yang dinyatakan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

Seorang Mukmin yang kuat lebih baik dan disukai Allah daripada seorang Mukmin yang lemah dan pada kedua-duanya terdapat kebaikan<sup>14</sup>.

Di antara perancangan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w bagi mengekalkan kesihatan dan kecergasan jasmani demi kelangsungan jihad ialah dengan melibatkan diri dalam sukan memanah, menunggang kuda, bergusti dan berlumba lari. Menggambarkan hal ini, Rasulullah s.a.w telah menyatakan kepentingan sukan ini dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

Daripada Salamah bin al-Akwa<sup>c</sup> telah berkata: Nabi Muhammad s.a.w telah melalui satu kumpulan daripada Bani Aslam yang sedang berlatih memanah lalu

---

<sup>14</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Qadr, Bab Fi al-Amr bi al-Quwwah wa Tark al-‘Ajz wa al-Istiqamah bi Allah. No. 34.

Baginda s.a.w bersabda: “Teruskan memanah wahai Bani Isma‘il, sesungguhnya datuk nenek kamu memang pemanah yang hebat. Teruskanlah, sesungguhnya aku bersama Bani Fulan.” Salamah berkata lagi: Salah satu kumpulan berhenti memanah, lalu Rasulullah s.a.w bertanya: “Mengapakah kamu berhenti?” Mereka menjawab: “Bagaimanakah kami hendak teruskan, sedangkan Rasulullah bersama kumpulan mereka?” Maka Baginda s.a.w pun bersabda: “Teruskan memanah, sesungguhnya aku bersama kalian semuanya”<sup>15</sup>.

Hadis di atas memberikan mesej yang sangat signifikan mengenai kepentingan sukan memanah yang sangat dekat di hati Baginda s.a.w. Selain memanah, Baginda s.a.w juga amat menitikberatkan riadah bergusti. Imam Al-Baihaqi (1983) telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bergusti sebanyak tiga kali dengan Rukanah bin ‘Abd Yazid yang merupakan seorang pakar dalam sukan bergusti ketika itu<sup>16</sup>. Di samping itu, disebut juga dalam sirah Ibnu Hisham (1955) bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi keizinan kepada Samrah bin Jundub untuk bergusti dengan Rafi‘ bin Khadij, malahan Rasulullah s.a.w sendiri gemar melakukan aktiviti riadah dan berlumba lari dengan isterinya, Siti ‘Aishah.

Jika disoroti hadith di atas, dapatlah diperhatikan dengan jelas kemahiran dan kecekapan, kekuatan dan keberanian yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w dalam menguasai cabang seni ini begitu ketara. Rasulullah s.a.w juga mengambil langkah lebih proaktif dengan menggalakkan para sahabat turut sama-sama mengambil bahagian menceburi acara perlumbaan kuda dan unta yang memberi impak dan nilai tambah yang sangat besar dalam kejayaan jihad. Imam Bukhari menceritakan sebuah hadith bagi menggambarkan suasana ini yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar:

Rasulullah s.a.w pernah mengadakan beberapa aktiviti perlumbaan kuda dengan kami. Pada satu ketika Baginda s.a.w telah menunggang kuda yang telah diperlengkapkan dengan pelana bermula dari daerah Hafya’ dan berakhir di lembah Wada‘ (jarak perlumbaan agak panjang iaitu lebih kurang enam atau tujuh batu)<sup>17</sup>, manakala satu ketika yang lain pula Baginda s.a.w menunggang kuda yang tidak diperlengkapkan dengan pelana bermula dari Lembah Wada‘ dan tamat di Masjid Bani Zurayq (jarak perlumbaan hanya lebih kurang satu batu sahaja)<sup>18</sup>.

Tidak syak lagi aktiviti sukan dan latihan yang berterusan terbukti mampu menjana kekuatan fizikal dan mental tentera Islam sehingga mereka berjaya memartabat

---

<sup>15</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab al-Tahrid ‘Ala al-Ramy. No. 2899.

<sup>16</sup>Al-Bayhaqi, *Dalail al-Nubuwwah*, Bab Ma Jaa fi Istinsar Rasul Allah ‘Ala Rukanah fi al-Musaracah wa Nusrah Allah iyyahu ‘Alaihi wa ma Ruwiya fi Tilka al-Qissah min Asari al-Nubuwwah.

<sup>17</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Idmar al-Khayl li as-Sabq. No. 2870.

<sup>18</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Idmar al-Khayl li as-Sabq. No. 2869.

Islam di persada kegemilangan dalam tempoh yang begitu panjang. Kelebihan fizikal ini yang telah digembleng dengan faktor ketangkasan, keberanian dan kecekapan tunggangan kuda serta kemahiran penggunaan senjata menyebabkan musuh menjadi begitu gerun.

#### 4.2.6 Kebijakan Menilai Kemampuan Anggota

Di antara ciri-ciri kepimpinan ketenteraan yang cemerlang ialah kemampuan dan kebijakan seorang pemimpin menilai kemampuan perajurit untuk diatur gerak dalam peperangan. Inilah di antara sifat-sifat kepimpinan yang dimiliki oleh Baginda s.a.w sehingga dapat meneruskan legasi dan kesinambungan pemerintahan dengan berkesan.

Sebagai contoh keadilan Rasulullah s.a.w ketika pemilihan perajurit, Baginda memberikan kelonggaran dengan membenarkan penyertaan Rafi<sup>c</sup> bin Khadij dan Samrah bin Jundub dalam peperangan kerana keistimewaan khusus yang ada kepada mereka berdua walaupun masih di bawah umur<sup>19</sup> kerana keistimewaan yang ada pada mereka boleh dimanfaatkan oleh pasukan dan berkemampuan mempertahankan diri jika diserang. Ibnu Hisham (1955) telah menceritakan dalam Sirahnya mengenai semangat juang anak-anak muda ini: Apabila Rafi<sup>c</sup> bin Khadij terpilih kerana keistimewaannya dalam seni memanah walaupun masih di bawah umur, berita tersebut tidak menggembirakan Samurah bin Jundub yang seusia dengannya, lalu Samurah bin Jundub menemui bapa tirinya yang telah menjaganya sejak kecil iaitu Murrâh bin Sinan bin Tha<sup>c</sup>labah dan mengadakan perkara itu sambil menangis dan berkata: “Wahai bapaku, Rasulullah s.a.w telah memilih Rafi<sup>c</sup> bin Khadij menyertai peperangan manakala permohonanku pula telah ditolak, sedangkan aku lebih kuat daripadanya. Jika aku diberi peluang untuk beradu kekuatan dengannya, pasti aku akan berjaya mengalahkannya”. Lalu bapa tirinya menemui Rasulullah s.a.w bagi menyampaikan hasrat Samurah bin Jundub tersebut. Rasulullah s.a.w memperkenankan permintaannya lalu keduanya diminta beradu kekuatan masing-masing di hadapan Baginda s.a.w. Akhirnya, ternyata Samurah bin Jundub telah berjaya mengotakan janjinya dengan mengalahkan Rafi<sup>c</sup> bin Khadij lalu Samurah bin Jundub kemudiannya diizinkan berperang oleh Rasulullah s.a.w.

Pada masa yang sama, Rasulullah s.a.w terpaksa menolak permohonan pemuda-pemuda yang lain masih muda<sup>20</sup> kerana dibimbangi mereka tidak akan mampu bertahan tekanan dan bahaya peperangan yang bakal dihadapi seperti <sup>c</sup>Abdullah bin <sup>c</sup>Umar, Zayd bin Sabit, Usamah bin Zayd, <sup>c</sup>Amru bin Hazm, Usayd bin Zuhayr dan al-Bara' bin <sup>c</sup>Azib (al-Buttush 2014; Ibn Hisham 1955).

Dalam situasi yang lain pula, Baginda s.a.w telah menolak permintaan Abu Dhar yang sangat berpengaruh untuk menyertai pasukannya. Imam Muslim telah menyebut dalam hadithnya berkaitan perkara ini yang mana Abu Dhar telah menawarkan diri

---

<sup>19</sup>Di antara syarat-syarat pengambilan pejuang Islam ialah mempunyai kelayakan umur lima belas tahun ke atas.

<sup>20</sup>Pemuda-pemuda ini kemudiannya dibenarkan menyertai Perang Khandaq tahun berikutnya kerana telah menjangkau usia lima belas tahun.

sebagai pemimpin (untuk memegang sesuatu jawatan), kemudian Rasulullah s.a.w menepuk tangannya ke atas bahu Abu Dhar lalu berkata:

Wahai Abu Dhar! Engkau sedikit lemah sedangkan jawatan itu adalah suatu amanah yang sangat berat dipikul. Pada Hari Kiamat ia akan menjadi suatu kehinaan dan penyesalan kecuali orang yang menerimanya itu memang benar-benar berhak dan menunaikan tugasnya dengan betul<sup>21</sup>.

Dalam hadith ini Rasulullah s.a.w tidak memberikan jawatan sekalipun kepada Abu Dzar, seorang sahabat yang dikasihi Baginda apabila ciri-ciri kelayakan tidak dipenuhi sepenuhnya. Walaupun Abu Dzar seorang sahabat yang soleh dan warak, namun begitu amanah jawatan dan politik berhajat kepada ciri-ciri yang lebih daripada itu yang mana bukan semua individu memilikinya.

Pada ketika dan situasi yang lain pula, Baginda s.a.w telah mengarahkan seorang pemuda supaya pulang dan menjaga ibunya dan menghalangnya daripada menyertai peperangan kerana sebagaimana dalam beberapa hadith yang lain juga, Rasulullah menjelaskan selepas Allah dan Rasul-Nya, orang yang perlu dihormati dan dikasihi adalah ibu dan bapa. Bukan setakat menghormati dan mengasihi mereka tetapi segala keperluan hidup, keselamatan dan hak-hak mereka perlulah dipenuhi sekadar kemampuan si anak tadi. Dalam sebuah hadis dijelaskan:

Daripada °Abdullah bin °Amr: Seorang lelaki datang kepada Rasulullah, lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Aku datang untuk berjihad bersamamu kerana aku ingin mencari reda Allah dan hari akhirat. Pun begitu, aku datang ke sini dengan meninggalkan ibu bapaku dalam keadaan menangis". Lalu sabda Baginda: "Pulanglah kepada mereka. Jadikanlah mereka tertawa seperti tadi engkau jadikan mereka menangis"<sup>22</sup>

Jadi perintah ibu atau bapa yang bukan bersifat maksiat atau mempersekutukan Allah, maka kita wajib mentaatinya. Namun jika perintah nya bersifat melawan kehendak dan hukum agama, maka tolaklah dengan cara yang baik.

#### 4.2.7 Penyediaan Pelapis Kepimpinan

Sebagai langkah awal penyediaan pelapis kepimpinan masa hadapan, Baginda s.a.w telah bertindak bijak dengan memberikan peluang kepada golongan muda mendapatkan latihan kepimpinan secara langsung dalam suasana dan situasi sebenar peperangan. Justeru, Baginda melancarkan ekspedisi-ekspedisi kecil yang dipimpin oleh bakal kepimpinan baru ini. Dalam tiga peperangan yang pertama iaitu Badar, Uhud dan Khandaq yang mana Baginda s.a.w sedang memegang kepimpinan pusat, Baginda telah menyerahkan kepimpinan Baginda kepada beberapa para sahabat. Sebagai contoh dalam peperangan Badar, Baginda melantik tiga orang panglima pemegang bendera seperti berikut (al-Fazlur Rahman 1990):

- a. Bendera Muhajirin diberikan kepada Mus°ab bin °Umair.

<sup>21</sup>Muslim, *al-Musnad*, Kitab al-Imarah, Bab Karahah al-Imarah bi Ghairi Darurah. No. 16.

<sup>22</sup>Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Jihad, Bab al-Rajul Yaghzu wa lahu Abwaq. No. 2782.

- b. Bendera al-Khazraj diserahkan kepada Ibn al-Mundhir.
- c. Bendera ʿAus disampaikan kepada Saʿad bin Muʿadz.

Sementara itu dalam peperangan Uhud pula terdapat tiga bendera:

- a. Bendera ʿAus disampaikan kepada Usayd bin Hudayr.
- b. Bendera al-Khazraj diserahkan kepada al-Hubab bin al-Mundhir.
- c. Bendera Muhajirin diberikan kepada ʿAli bin Abi Talib.
- d. Muhammad bin Maslamah dipilih untuk mengetuai sepasukan 50 orang pemanah.

Baginda melatih mereka bagaimana untuk mengatur gerak pasukan, membuat keputusan melalui syura, melakukan operasi dengan pantas, mengejutkan musuh dengan serangan mengejut dan mengekalkan keselamatan di tahap yang tinggi. Justeru, tidak hairanlah selama Baginda memegang kepimpinan pusat, Baginda sendiri terlibat di dalam 27 peperangan dan menghantar 38 ekspedisi (Ibn Ishak 2004), tetapi menurut al-Waqidi (1989) untuk ekspedisi ialah sebanyak 47 siri kesemuanya dan berlaku pertempuran sebanyak 9 kali. Dalam semua operasi ketenteraan ini, Baginda s.a.w sentiasa melibatkan para pelapis sebagai pimpinan bawahan dan seterusnya memberikan sumbangan kejayaan yang cukup cemerlang.

#### 4.2.8 Kebijaksanaan Mengaplikasi Strategi Peperangan

Rasulullah s.a.w telah mengaplikasi strategi peperangan yang bersifat anjal dan pelbagai sepanjang berhadapan dengan musuh-musuh Islam di medan peperangan. Prinsip ini telah menjadi satu alternatif dalam merencana strategi peperangan yang menjadi tunjang utama kepada kemenangan tentera Islam walaupun kerap kali berhadapan dengan tentera musuh yang ramai. Berasaskan faktor geografi di medan pertempuran, strategi perang ini telah dilaksanakan sebagai plan alternatif terutama dalam menentukan pemilihan lokasi atau *frontline* demi kemaslahatan tentera Islam yang sedikit bilangannya.

Sebagai contoh, dalam Perang Badar, Rasulullah s.a.w menggunakan taktik *Nizom al-Soff*<sup>23</sup>. Taktik ini sebenarnya merupakan satu strategi baru yang digunakan oleh Baginda s.a.w sebagai alternatif kepada taktik *Nizom al-Karr wa al-Farr*<sup>24</sup> yang sering digunakan oleh orang Arab Jahiliyah iaitu. Taktik baru ini telah memberi satu kejutan kepada musuh meskipun bilangan mereka ramai, namun penyusunan tentera Islam dalam bentuk barisan yang tersusun kukuh memperlihatkan seolah-olah bilangan tentera Islam kelihatan lebih ramai dan hal ini menyebabkan mereka gagal untuk memanfaatkan bilangan mereka yang ramai itu untuk mengatasi tentera Islam. Jadi,

---

<sup>23</sup>*Nizom al-Soff* (نظام الصف) ialah strategi dan doktrin perang dengan membentuk anggota tentera ketika mara dalam dua barisan seperti dua benteng yang kukuh. Barisan pertama terdiri daripada pasukan pemanah berkuda, sementara ketumbukan kedua pula terdiri daripada gabungan pasukan pemanah yang bergerak seiringan bersama-sama pasukan yang berjalan kaki.

<sup>24</sup>*Nizom al-karr wa al-farr* (نظام الكر والفِر) ialah strategi dan doktrin peperangan yang memerlukan serangan secara serbuan pantas apabila peluang terhidang dan berundur dengan cepat selepas membuat serangan.

kebijaksanaan baginda di dalam menggunakan satu taktik baru ini telah menjadi satu keistimewaan kepada perancangan kepimpinan Rasulullah s.a.w dalam menyusun strategi perang tentera Islam. Demikian halnya dalam Peperangan Khaibar dan Pembukaan Makkah (al-Waqidi 1989), taktik ini dikembangkan lagi dengan menggunakan strategi *al-Khumasi*<sup>25</sup>. Ibn Khaldun (1988) melaporkan bahawa lama sebelum Islam orang Arab dan Barbar di Maghribi telah menggunakan sistem *al-karr wa al-farr*. Tetapi tidak lama sebelum Islam mereka pula mengguna Sistem *al-Soff*. Hal ini dilakukan kerana pertamanya untuk menghadapi musuh dengan lebih berkesan dan keduanya supaya tentera Islam kelihatan lebih tersusun dan bersedia. Setengah ahli-ahli sejarah menamakan sistem itu dengan *al-Khumasi* (lima penjuru). Dalam penyusunan pasukan tentera pula Baginda s.a.w membahagikan kepada lima elemen ketumbukan iaitu pasukan infantri (pejalan kaki), pasukan berkuda, pasukan pemanah, pasukan yang mengendalikan bahagian senjata dan pasukan yang mengendalikan bahagian kelengkapan logistik (W. Yahaya t.th).

Dalam Peperangan Khandaq pula, Baginda s.a.w menggunakan strategi memanipulasi bentuk muka bumi (*terrain*) dengan memanfaatkan sepenuhnya taktik penggalan parit yang sekali lagi telah memberi kejutan besar kepada tentera musuh yang ramai sehingga mereka terlepas peluang untuk mengatasi tentera Islam kerana tidak menjangkakan pertukaran taktik yang digunakan oleh Rasulullah ini. Begitu juga ketika pusingan pertama kemenangan tentera Islam dalam Perang Uhud yang menyaksikan kebijaksanaan Rasulullah memanfaatkan kelebihan Bukit Uhud dengan menempatkan pasukan pemanah di atas sehingga memusnahkan tentera Quraish pada awalnya. Dalam perang Khandaq juga menyaksikan strategi perang saraf gerak saraf diaplikasi sebagaimana dilaporkan oleh Ibn Kathir (1997), Rasulullah s.a.w telah menggunakan taktik ini dengan menghantar Nu<sup>c</sup>aim bin Mas<sup>c</sup>ud<sup>26</sup> dan menyamar sebagai salah seorang tentera Mushrikin lalu melakukan aktiviti perang saraf gerak saraf dalam kem musuh bagi memecahbelahkan pakatan Mushrikin dan Yahudi serta menggagalkan objektif operasi mereka. Misi ini telah berjaya dilakukan dengan sempurna sehingga tentera musuh menjadi berpecah-belah dan saling curiga-mencurigai antara satu sama lain yang akhirnya membawa kepada kekalahan mereka.

Menyentuh strategi *cuyun*<sup>27</sup> dan *tali<sup>c</sup>ah*<sup>28</sup> (pengintipan dan sistem rondaan) pula, dalam *Buku Perisikan dan Keselamatan Menurut Perspektif Islam* (1992) telah melaporkan bagaimana liciknya Baginda s.a.w dalam mengatur operasi <sup>c</sup>Abdullah bin

---

<sup>25</sup>Al-Khumasi ialah Sistem Lima Formasi iaitu: formasi hadapan, formasi belakang, formasi sayap kanan, formasi sayap kiri dan formasi tengah/pusat.

<sup>26</sup> Nu<sup>c</sup>aim bin Mas<sup>c</sup>ud adalah seorang pemuka bangsa Ghatafan yang telah masuk Islam tetapi tidak diketahui oleh kaumnya, lalu diutus oleh Nabi s.a.w untuk menemui kaumnya dengan melakukan tipu muslihat. Bangsa Ghatafan (Yahudi) dihasutnya untuk tidak percaya kepada bangsa Quraish dan begitulah sebaliknya.

<sup>27</sup> *cuyun* ialah pengintip yang dianggotai oleh seorang individu atau dua orang yang mana bertugas secara rahsia serta ditugaskan untuk mengintip pergerakan dan reaksi pihak musuh, sama ada di medan peperangan ataupun di tempat mereka sendiri

<sup>28</sup> *Tali<sup>c</sup>ah* ialah bertugas dalam satu kumpulan yang kecil. Biasanya dianggotai lebih ramai tentera bergantung kepada tujuan operasi yang dibuat. Mereka dihantar ke hadapan pasukan untuk membuat rondaan meninjau kedudukan, persiapan dan bilangan tentera pihak musuh.



Jahsh<sup>29</sup> yang mana Baginda menyerahkannya sepucuk surat dan meminta beliau supaya jangan membaca kandungannya sehinggalah beliau dan pasukannya berjalan selama dua hari terlebih dahulu. Selepas dua hari barulah surat dibuka dan diarah mengikuti arahan yang terkandung dalam surat tersebut. Ini merupakan strategi yang bijak kerana Rasulullah s.a.w tidak mahu operasi tersebut diketahui oleh penduduk Madinah sama ada di kalangan orang Islam sendiri mahupun bukan yang akan merosakkan perancangan Baginda s.a.w. Berdasarkan penulisan (Muhamad Ramzi 1997; Ahmad Azan et al. 2010) pula, Nabi Muhammad s.a.w telah menyusun perisikan bagi mendapatkan maklumat tentang kedudukan pihak musuh, pergerakan, rancangan dan tujuan mereka. Sebagai contohnya, Nabi Muhammad s.a.w telah melantik dua orang *‘uyun* (perisik) iaitu Bisbis bin ‘Amru dan ‘Addi bin Abu al-Za’ba untuk menjejaki pihak musuh sebelum berlakunya perang Badar. Baginda s.a.w juga menghantar *tali‘ah* (peronda perisik) dalam kumpulan yang berlainan terdiri daripada 15 hingga 30 orang dan peronda penyerang terdiri daripada 50 hingga 500 orang ke sekitar kawasan Makkah, Madinah dan tempat-tempat lain di Semenanjung Arab. Al-Waqidi (1989) menulis, apabila Rasulullah s.a.w sampai ke Liyan dalam satu angkatan perang, Baginda terlebih dahulu menghantar Abu Bakar dengan 10 orang tentera untuk meninjau kedudukan musuh. Apabila Abu Bakar sampai di al-Ghamim, hasil pemerhatiannya beliau mendapati tidak ada angkatan musuh di situ, lalu beliau kembali menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. Kedua-dua jenis sistem perondaan ini membentuk satu sistem komunikasi yang dapat memberikan maklumat tentang perkembangan yang berlaku di kawasan sempadan dan di sekitar Madinah kepada Rasulullah s.a.w. Di samping itu, tentera Islam juga dilatih dengan istilah-istilah kata jodoh ketenteraan, tanda-tanda rahsia dan kod perkataan.

Dalam Perang Khaibar pula, Baginda s.a.w menggunakan strategi pengepungan dan serangan secara mengejut (elemen kejutan dan serangan pantas) ke kubu musuh kerana pihak musuh dilindungi oleh sebuah kota yang dikelilingi oleh deretan benteng dan tembok yang kuat serta kukuh. Di samping itu, tentera Islam juga menggunakan teknik pengepungan yang sangat unik dan sama sekali di luar jangkaan musuh apabila mengambil langkah memutuskan bekalan air dan menghalang orang Yahudi daripada memetik buah-buahan (tamar) yang sedang ranum dan masak dengan lebat di sekeliling Kota Khaibar. Pada masa yang sama juga, Rasulullah s.a.w menggunakan pendekatan perang psikologi bertujuan melemahkan semangat penduduk Yahudi apabila melihat pohon tamar kesayangan mereka yang sedang lebat berbuah dan ranum dipetik itu ditebang dan dimusnahkan begitu sahaja oleh Rasulullah s.a.w di hadapan kubu mereka. Tidak berapa lama kemudian, setelah menyangka tentera Islam tidak berkemampuan lagi memasuki kota mereka yang kukuh itu dan hanya sekadar mengepung sahaja, penduduk Khaibar pun keluar beramai-ramai memetik baki buah-buahan tamar mereka yang masih belum ditebang, tetapi sebaik sahaja mereka berjalan menuju ke kebun-kebun tamar itu, alangkah terkejut dan tergamamnya penduduk Khaibar apabila mendapati tentera Islam dalam keadaan bersiap-siaga dan terus mengambil peluang menyerbu ke arah mereka. Walaupun mereka cuba lari tetapi tentera Islam berjaya

---

<sup>29</sup>Operasi ‘Abdullah bin Jahsh bertujuan mengintip kedudukan orang-orang Quraish yang dilakukan selama 17 hari sebelum berlakunya peperangan Badar yang dianggap titik permulaan peperangan bersenjata yang juga menandakan bermulanya pertembungan di antara Islam dan musuh-musuhnya.

mengejar mereka sehingga dapat memasuki kota melalui pintunya yang telah terbuka ketika itu (al-Buttush 2014; al-Fazlur Rahman 1990).

Rasulullah s.a.w juga mempelbagaikan strategi untuk memudahkan mobiliti dan pergerakan pasukan tentera yang diatur gerak dengan melantik beberapa sahabat sebagai *dalil* (penunjuk jalan). Al-Waqidi (1989) sekali lagi mencatatkan bahawa angkatan tentera yang dipimpin oleh Abu Salmah bin ʿAbd al-Asad dari Qatan melantik al-Walid bin Zuhayr dari Tayyi sebagai penunjuk jalan kepada mereka. Selain ditugaskan sebagai penunjuk jalan bagi angkatan tentera, mereka juga bertanggungjawab menjaga kafilah dakwah, kafilah perdagangan serta mengawal perjalanan dari keganasan penjahat.

### 4.3 Faktor Logistik dan Persenjataan

Bagi mencatur dan melengkapkan strategi ketenteraan, Rasulullah s.a.w berusaha dengan semaksima mungkin menyediakan pelbagai kelengkapan persenjataan kepada tentera Islam. Usaha ini berjaya melonjakkan kehebatan mereka di mata musuh sehingga mereka cukup dikenali dengan angkatan tentera yang sangat lengkap persenjataannya, mencakupi senjata persendirian seperti pedang, tombak, baju besi, perisai tangan, pedang panjang, panah, anak panah mahupun senjata umum milik negara. Walau bagaimanapun, sedikit demi sedikit perubahan berlaku dalam penggunaan peralatan persenjataan perang, seiring dengan perkembangan negara Islam dan juga pertambahan peranan anggota tentera dalam sistem pertahanan negara.

Secara terperinci, jenis-jenis senjata tentera Islam boleh diklasifikasikan seperti berikut (al-Buttush 2014):

#### 1. Senjata Perlindungan

(a) Baju besi (الدرع) – nama yang digunakan seperti Sabighah (سابغة) , al-Bitra' (البتراء), al-Maghfar (المغفر) dan al-Baydoh (البيضة).

(b) Perisai tangan (الترس) – iaitu sejenis perisai yang dibuat daripada besi yang digunakan di tangan bagi menangkis tetakan senjata musuh. Di antara namanya ialah al-Majn (المجن) dan al-Daroqoh (الدرقة).

(c) Baju logam berantai (الجوشن) - digunakan untuk melindungi belakang badan daripada senjata musuh.

#### 2. Senjata Serangan

(a) Pedang (السيف) – di antaranya ialah Pedang al-Yamaniah (السيوف اليمانية) yang dinisbahkan kepada tempat pembuatannya dan kehebatannya.

(b) Lembing (الرمح) – juga dinamakan al-Qonat (القناة) bersempena bentuknya yang diperbuat daripada kayu panjang dengan di hujungnya terdapat alat penikam yang tajam bagi tujuan menikam musuh.

- (c) Busur panah (القوس) – digunakan bagi melepaskan anak panah (السهم). Anak panah pula diperbuat daripada kayu yang keras dengan dihujungnya terdapat besi yang tajam. Juga dinamakan al-Nabal (النبل) dan al-Nasyab (النشاب).
- (d) Al-Manjanik (المنجنيق) - Meriam/Artileri.
- (e) Al-Dabbabah (الدبابة) - Kereta Perisai.

Menurut al-Waqidi (1989), selain senjata sedia ada yang digunakan oleh tentera Islam, sumber senjata juga banyak diperolehi melalui rampasan dalam peperangan. Apabila Bani Qaynuqa<sup>c</sup> menyerah kalah setelah dikepung selama 15 hari, mereka meninggalkan banyak alat senjata termasuk 400 baju besi. Harta rampasan yang besar ialah yang dirampas dari Bani Qurayzah, iaitu kira-kira 1,500 pedang, 300 baju, 2,000 lembing dan 1,500 perisai. Kenyataan yang disebut di atas hanya sebahagian dari apa yang diperolehi, dan menjadi sumber kepada gedung senjata tentera Islam. Al-Waqidi juga melaporkan, Rasulullah s.a.w pernah melantik <sup>c</sup>Abdullah bin Ka<sup>c</sup>ab dari Khazraj bagi menguruskan rampasan Badar dan Shuqran mawlanya pula ditugaskan menguruskan tawanan.

Menurut al-Buti (2008), semasa peperangan Badar al-Kubra tentera Islam seramai tiga ratus tiga belas orang yang dipimpin oleh Rasulullah SAW telah keluar berperang dengan kekuatan tujuh puluh tentera unta dan Ibn Kathir (1997) menambah tentera Islam turut membawa dua ekor kuda yang mana mereka terpaksa menunggangnya secara bergilir-gilir dan selebihnya tentera infantri. Tentera Islam telah berjaya memenangi pertempuran walaupun dengan jumlah tentera yang amat sedikit dan mempunyai kelengkapan persenjataan yang agak terbatas berbanding dengan pihak Mushrikin yang mempunyai jumlah tentera yang besar dan juga berkelebihan dari sudut kelengkapan persenjataan.

Firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّبَعُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ<sup>30</sup>

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

Ibnu Kathir (1997) telah menyebut dalam tafsirnya: Itulah hari (Perang Badar) yang membezakan di antara kebenaran dan kebatilan (al-furqan). Pada hari itu Allah s.w.t telah memuliakan Islam serta penganutnya dan menghina mereka yang menyekutukan Allah s.w.t, lalu menghancurkan mereka sama sekali walaupun jumlah tentera Islam sangat sedikit iaitu hanyalah seramai tiga ratus tiga belas anggota sahaja yang turut diperkuatkan dengan tujuh puluh tentera berkuda dan tentera yang

<sup>30</sup>Al-Quran, Ali <sup>c</sup>Imran 3:123.

menunggang unta, manakala bakinya ialah tentera infantri yang serba kekurangan. Sedangkan di pihak tentera musuh pula menjangkau jumlahnya di antara sembilan ratus ke seribu orang yang lengkap berbaju besi dan bertopi besi di samping kekuatan tentera-tentera berkuda yang cukup terlatih serta mempunyai kelengkapan persenjataan lain yang lengkap.

Kemajuan persenjataan yang dimiliki oleh tentera Islam semakin terserlah apabila mereka mula menggunakan beberapa jenis senjata yang khusus bagi kegunaan menyerang dan mengepung musuh sewaktu Perang Khaybar dan ketika menakluki Thaif. Perkembangan persenjataan ini sangat mengejutkan musuh kerana ia belum pernah digunakan oleh masyarakat Arab ketika itu. Justeru, apabila tentera Islam menggunakan *dabbabah* (kereta perisai) ketika mara menghampiri kubu musuh dan juga *manjanik* (artileri) yang bertujuan menghancurkan tembok-tembok kebal yang dibina musuh, menyebabkan musuh menjadi terpinga-pinga dengan kemajuan persenjataan yang digunakan ini. Sementara itu, jika kita meninjau dalam peperangan Tabuk pula, kita akan mendapati bahawa peningkatan penggunaan tentera berkuda telah mencapai tahap yang cukup tinggi sehingga bilangan mereka mereka telah bertambah menjadi sepuluh ribu orang. Kehebatan tentera berkuda memang tidak boleh dipersoalkan lagi kerana ianya sangat penting dalam melakukan atur gerak taktikal dengan cukup pantas dan licin. Maka tidak hairanlah, kuda ini telah menjadi aset penting dalam sistem pertahanan tentera Islam. Imam Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadith:

Daripada <sup>o</sup>Abd Allah bin Maslamah: Kebaikan itu sentiasa tertambat pada ubun-ubun kuda perang sehinggalah ke Hari Kiamat (iaitu pahala dan rampasan perang)<sup>31</sup>.

Justeru, kepentingan dan keistimewaan tentera berkuda ini dapat diperhatikan menerusi kuota pembahagian harta rampasan perang iaitu sebanyak 3/5 atau tiga bahagian dengan pecahan satu bahagian untuk anggota tentera dan dua bahagian untuk kuda yang digunakan. Imam Bukhari meriwayatkan sebuah hadith daripada Ibnu <sup>o</sup>Umar katanya:

Rasulullah s.a.w memberikan sebanyak dua bahagian harta rampasan untuk kuda yang digunakan manakala satu bahagian untuk penunggangnya (tuannya)<sup>32</sup>.

Di samping itu unta juga merupakan satu-satunya kenderaan tahan lasak yang dapat mengurangkan jarak dan masa perjalanan dengan kelebihan menggunakan jalan pintas di kawasan padang pasir Semenanjung Tanah. Sejarah peperangan Islam sendiri telah membuktikan kejayaan misi jihad yang ditunjangi dengan kelebihan penggunaan unta. Sebagai contoh, ketika panglima perang Khalid al-Walid yang ketika itu beliau berada di Iraq diarahkan oleh Khalifah Abu Bakar untuk bergerak ke Sham membantu tentera Islam, beliau mengambil langkah bijak apabila mengoptimumkan

---

<sup>31</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab al-Khayl Macqud fi Nawasiha al-Khayr ila yaum al-Qiyamah. No. 2849.

<sup>32</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Siham al-Fars. No. 2863.

penggunaan unta merentasi gurun pasir yang luas untuk sampai ke sana dalam tempoh yang singkat. Justeru, dengan pantas juga beliau dapat bergabung dengan kekuatan tentera Islam sedia ada bagi memerangi tentera Rom dalam peperangan Yarmuk (Khan 2000).

## 5.0 KESIMPULAN

Daripada apa yang dibahaskan sebelum ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menunjukkan satu contoh terbaik yang menjadi *role model* dalam bidang kepimpinan. Baginda adalah pemimpin mithali yang telah diutuskan oleh Allah untuk diteladani oleh setiap manusia yang bergelar pemimpin di muka bumi ini dalam semua bidang kepimpinan khususnya ketenteraan. Segala garis panduan, peraturan dan sikap yang telah diutarakan oleh Baginda perlu dicontohi dan dihayati ke arah menjadikan kita insan kamil mengikut kaca mata Allah sesuai dengan maksud firman Allah:

Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w itu adalah contoh ikutan yang terbaik bagi sesiapa yang mengharap Allah dan pahala di hari Akhirat<sup>33</sup>.

Gagasan dan halatuju kepimpinan Rasulullah dalam memacu negara Madinah khususnya dan dunia Islam umumnya ke arah matlamat *baladun tayyibah wa rabbun ghafur* ini melalui kekuatan ketenteraan dan pertahanan ini telah menyaksikan kedudukan Islam semakin kuat dan memudahkan dakwah dilaksanakan sehingga menguasai dua pertiga dunia dan diperakui oleh ramai sejarawan dan penulis. Maka, tidak hairanlah Baginda s.a.w dinobat sebagai insan yang berada di kedudukan teratas apabila mengambilkira ketokohan dan pengaruhnya dalam kepimpinan dan kepengikutan.

## RUJUKAN

Al-Quran

Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Hj Kadir, Hasan Al-Banna Mohamed & Aman Daima Md Zain. 2010. *Peperangan Nabi Muhammad s.a.w: Analisa Strategi Peperangan dan Pertahanan*. Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Al-Baihaqi, Ahmad bin Husin. 1983. *Dalalil al-Nubuwwah wa Ma'rifatu Ahwali Sahib al-Syari'ah*. Cet. 1. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2000. *Al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Sunani Rasul Allah wa Sunnatihi wa Ayyamihi*. Tahqiq. Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir. Cet. 1. Jil. 4 & 5. t.tp.:Dar Tawq Al-Najat.

---

<sup>33</sup>Al-Quran, al-Ahzab 33:21.

- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1989. *Fiqh al-Sirah*. Terj. Mohd Darus Sanawi. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Buttush, Yahya Bashir Hamid. 2014. *Perancangan Ketenteraan Dalam al-Sunnah*. Terj. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. Cet. 1. Kuala Lumpur: Penerbit Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Al-Fazari, Abu Ishak Ibrahim bin Muhammad bin al-Harith. 1987. *Al-Siyar*. Tahqiq. Faruq Hammadah. Cet. 1. Beyrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fazlur Rahman. 1990. *Muhammad: Unique Military Leaders*. Terj. Syed Putra Syed Ahmad. Cet. 1. Shah Alam: Hizbi.
- Finer, S.E. 1962. *The Man On The Horseback: The Rule Of The Military In The Politics*. New York: Ny Frederivck A. Preager.
- Hart, Michael H. 1978. *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*. New York: Carol Publishing Group/Citadel Press.
- Ibn Hisham, °Abd al-Malik bin Hisham bin Ayyub al-Humayri al-Ma°afiri. 1955. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Tahqiq. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Ibari dan °Abd al-Hafiz al-Shalabi. Cet. Ke-2. Jil. 2. Misr: Sharikah Maktabah wa Mat°abah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.
- Ibn Ishak, Muhammad bin Ishak bin Yasar al-Matlabi. 1978. *Sirah Ibn Ishak Kitab al-Siyar wa al-Maghazi*. Tahqiq. Suhail Zukar. Cet. 1. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Ishak, Muhammad bin Ishak bin Yasar al-Matlabi. 2004. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Tahqiq. Ahmad Farid al-Mazidi. Jil. 2. Beyrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma°il bin °Umar. 1997. *Tafsir al-Quran al-°Azim*. Tahqiq. Muhammad Husayn Shams al-Din. Cet. 1. Beyrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, °Abd Rahman Muhammad bin Muhammad. 1988. *Diwan al-Mubtada' fi Tarikh al-°Arab wa al-Barbar wa man °Asarahum min zawi al-Sha'n al-Akbar*. Tahqiq. Khalil Shahadah. Cet. Ke-2. Jil. 1. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Abu °Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq. Muhammad Fuad °Abd al-Baqi. Jil. 2. t.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-°Arabiyyah-Faysal °Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Mahfuz, Muhammad Jamaludin. 1996. *Nazariyya hal-Islamiyyah fi Taqalid al-Jundiyyah wa Adab al-Harb*. Terj. Mohd Shukor bin Sa°id. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Jamil Khir Baharom. 2008. *Panduan Kehidupan Tentera*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.

- Kamus Dewan – Edisi Baru*. 1991. Shaikh Othman bin Shaikh Salim (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- '*Kepimpinan Tentera Menurut Pandangan Islam*'. 1990. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Khan, Majid Ali. 2000. *Sisi Hidup Para Khalifah Saleh*. Terj. Joko S. Abd Kahhar. Surabaya: Risalah Gusti.
- Al-Manawi, Zain al-Din Muhammad. 1356. *Faid al-Qadir Sharh al-Jami' al-Soghir*. Cet. 1. Jil. 1. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- '*Memahami Sirah Rasulullah*'. 1995. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Al-Mubarakfuri, Safiyyu al-Rahman. 2011. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Cet. Ke-6. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Muhamad Ramzi Omar. 1997. *Iktibar Jihad Rasulullah*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.
- Al-Naisaburi, Muhammad bin °Abdullah al-Hakim. t.th. *al-Mustadrak °Ala al-Sohihain*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabiyy.
- Al-Naisaburi, Muhammad bin °Abdullah al-Hakim. 1990. *al-Mustadrak °Ala al-Sohihain*. Tahqiq. Mustafa °Abd al-Qadir °Ata. Cet. 1. Jil. 3. Beyrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- '*Perisikan dan Keselamatan Menurut Perspektif Islam*'. 1992. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Portal Rasmi TDM, [army.mod.gov.my/index.php/bm/mengenai-kami/profile/perintah-ulung](http://army.mod.gov.my/index.php/bm/mengenai-kami/profile/perintah-ulung) {9 November 2016}
- '*Profesyen Ketenteraan dan Bimbingan Rohani Menurut Pandangan Islam*'. 1992. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatanarah Kor Agama ATM.
- Al-Qusyairi, Muslim bin al-Hajjaj. t.th. *al-Musnad al-Sohih al-Mukhtasar bi Naql al-°Adl °an al-°Adl ila Rasul Allah*. Tahqiq. Muhammad Fuad Abdul Baqi. Jil. 3. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- Al-Sajastani, Abu Daud Sulaiman bin al-Ash°as. t.th. *Sunan Abi Daud*, Tahqiq. Muhammad Mahyu al-Din °Abd Hamid. Jil. 3. Beyrut: al-Maktabah al-°Asriyyah.
- Al-Sibaci, Mustafa bin Husayn, 1985. *Al-Sirah al-Nabawiyyah Durus wa °Ibar*. Cet. Ke-3. t.tp.: al-Maktabah al-Islamiyy.
- Syahrin Harahap. 1997. *Islam Dinamik*. Yogyakarta: Tiara Wacana.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib al-Amuli. 1965. *Tarikh ar-Rasul wa Al-Muluk*. Jil.2. Beirut: Dar al-Turath.

Wan Yahaya bin Wan Ahmad. 1996. *Sistem Ketenteraan Kerajaan Madinah Pada Zaman Nabi Muhammad s.a.w.* t.tp.: t.pt.

Al-Waqidi, Muhammad bin ‘Umar bin Waqid al-Sahmiyy al-Aslamiyy. 1989. *Al-Maghazi*. Tahqiq. Marisdan Jones. Cet. Ke-3. Jil. 1 & 2. Beirut: Dar al-A‘lamiyy.